



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

SEMPENA

PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL
KORPORAT SEMPENA KARNIVAL JOM HEBOH
PENANG 2019

TARIKH / MASA / TEMPAT

27 SEPTEMBER 2019 (JUMAAT)
3.00 PETANG

TAMAN UPCYCLE
BANDAR PERDA

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

Yang Berbahagia Datuk Syed Hussian Aljunid

Pengerusi Kumpulan

Media Prima Berhad

Yang Berbahagia Datuk Kamal Khalid

Pengarah Urusan Kumpulan

Media Prima Berhad

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir. Hjh Rosnani Binti Hj Mahmud

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Dihormati Nik Ros Azhan Nik Abdul Hamid

Assistant Commissioner of Police (ACP)

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Tengah

Ketua–Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Encik Johan Ishak

Ketua Pegawai Eksekutif,

Rangkaian Televisyen Media Prima

Encik Azlim Hamzah

Pengarah Sumber Manusia Western Digital

Para-Para Artis, Personaliti Jemputan dan Peserta

Warga Kerja Majlis Bandaraya Seberang Perai

Penduduk Bandar Perda

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikumwarahmatullahhiwabarakatuh,
Selamat petang dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada hari ini di dalam Program Tanggungjawab Sosial Korporat Sempena Karnival Jom Heboh Penang 2019 di *Upcycle Park*, Bandar Perda. Ini merupakan program yang dianjurkan dengan kerjasama pihak Media Prima Berhad dan Western Digital.

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih dan sekalung penghargaan kepada Yang Berbahagia Datuk Syed Hussian Aljunid, Pengerusi Kumpulan, Media Prima Berhad dan pasukan beliau daripada Media Prima Berhad; Encik Azlim Hamzah, Pengarah Sumber Manusia Western Digital dan wakil-wakil Western Digital; Yang Dihormati Tuan Nik Ros Azhan Nik Abdul Hamid, Assistant Commissioner of Police (ACP), Ketua Polis Daerah Seberang Perai Tengah; Ahli-Ahli Majlis, Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan, warga kerja MBSP, wira-wira oren dan para hadirin sekalian yang yang sudi meluangkan masa menghadiri majlis pada petang yang berbahagia ini.

Ini merupakan kali pertama program *Corporate Social Responsibility* (CSR) seumpama ini diadakan dengan penglibatan Media Prima Berhad, Western Digital dan TV3. Organisasi ini merupakan antara syarikat media yang terbesar di Malaysia dan sanggup turun padang bersama MBSP untuk melaksanakan program di sini pada petang. Tahniah dan Syabas saya ucapakan!

Yang Berbahagia Datuk-Datuk, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah dengan secara rasminya diisytiharkan sebagai Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) berkuatkuasa pada 16 September 2019. Dengan pengisytiharan ini, MBSP menjadi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ke-15 daripada 150 PBT yang bertaraf bandaraya. Pulau Pinang adalah negeri pertama di Malaysia yang mana kedua-dua PBT di negeri itu bertaraf bandaraya dengan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) di bahagian pulau manakala MBSP di seberang.

Hala tuju MBSP adalah jelas iaitu mensasarkan untuk mengurangkan 50% pelepasan karbon menjelang tahun 2022 iaitu pengurangan

penghasilan karbon daripada **8.0 tan CO₂e per kapita** kepada **4.0 tan CO₂e per kapita**. Selain itu, sasaran menjadi *carbon neutral city* pada tahun 2030, iaitu 10 tahun dari Januari 2020 dan menjadi *zero carbon city* pada tahun 2050. MBSP juga komited untuk bersama bandaraya-bandaraya lain di dunia untuk menangani perubahan cuaca supaya dapat menghadkan pemanasan global ke *1.5 degree Celcius*.

Oleh itu, dalam mendapatkan pengiktirafan rakyat dan mengekalkan prestasi yang cemerlang, MBSP telah melaksanakan pelbagai program untuk rakyat dan menggariskan dasar-dasar atau garis panduan yang mudah, cepat, cekap dan telus. MBSP telah mewujudkan Hala Tuju Strategik Seberang Perai yang mampan dan lestari Jangka Pendek, Sederhana dan Panjang. Malahan ianya menjadi Kontrak Sosial bagi menjadikan “Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandaraya Dipacu oleh Teknologi”. Kontrak sosial ini menandakan bermulanya era *Contemporary Society* yang berpegang kepada falsafah “Seberang Perai Bandaraya Rendah Karbon dan Bandaraya Pintar Berpaksikan Rakyat”.

Pentadbiran MPSP meletakkan kepercayaan yang tinggi kepada pendekatan *smart partnership* dalam merungkai kekuatan perkongsian melalui konsep 7Ps (*People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet Partnership*). Melalui pendekatan ini, jalinan kerjasama pelbagai pihak

secara langsung dan tidak langsung memberi impak positif terhadap usaha-usaha MBSP dalam *institutional reform* dan sistem penyampaian yang pantas supaya semua rakyat Seberang Perai dapat menikmati serta menerima manfaatnya.

Sehingga ini sebanyak 39 projek 7Ps (8 di SPU; 25 di SPT dan 6 di SPS) yang melibatkan penyertaan daripada pelbagai agensi kerajaan, agensi swasta, pemaju, peniaga dan perseorangan telah dilaksanakan. Pelaksanaan projek-projek 7Ps ini telah menjimatkan kos pembangunan MBSP sebanyak RM9,032,220.70.

Yang Berbahagia Datuk-Datuk, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Media Prima Berhad akan menganjurkan Karnival Jom Heboh Penang 2019 pada 28 dan 29 September 2019 di Batu Kawan, Seberang Perai Selatan. Justeru, bersempena karnival tersebut, satu mini program Karnival Jom Heboh diadakan pada hari ini, iaitu Program Khidmat Masyarakat Karnival Jom Heboh Penang 2019 di *Upcycle Park*. Program ini adalah satu program *Corporate Social Responsibility* (CSR) oleh Media Prima Berhad dan Western Digital. Tahniah dan syabas saya ucapkan. Program ini

bertujuan memberi kesedaran kepada orang awam mengenai pentingnya kitar semula untuk alam sekitar. Matlamat program ini adalah untuk:-

- i. Memberi peluang orang awam untuk berinteraksi kepada orang awam bersama personaliti TV dengan lebih dekat;
- ii. Memberi penghargaan kepada penonton TV3; dan
- iii. Mewujudkan semula tradisi Karnival Jom Heboh untuk membantu serta memberi kesedaran orang awam melalui Program Amal. Kali ini tertumpu kepada aktiviti kitar semula.

Di samping itu, MBSP juga beruntung kerana pihak Western Digital bersama-sama Media Prima Berhad melaksanakan program CSR in dengan memberi sumbangan barang-barangan untuk dikitar semula seperti cakera pada dan pemacu pena. Selain itu, Western Digital juga menyumbangkan cenderahati dan *goodies bag*. Terima kasih Western Digital.

Ini merupakan satu contoh jalinan kerjasama “*smart partnership*” MBSP dengan Media Prima Berhad dan Western Digital dalam melaksanakan program untuk manfaat rakyat di Seberang Perai.

Program Khidmat Masyarakat (*Corporate Social Responsibility*) yang diadakan pada hari ini melibatkan program ilmiah bersama komuniti setempat dalam memberi pendedahan tentang pentingnya kitar semula dalam kehidupan seharian. Antara aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan adalah:-

- i. Demo dan taklimat berhubung *recycle* dan *upcycle* di mana aktiviti ini memberi ruang untuk komuniti untuk mempelajari serta mengekspresikan kreativiti mereka dengan menggunakan barang-barang terpakai seperti cakera padat dan pemacu pena;
- ii. *Educational games* berkonsepkan permainan tradisional di mana melibatkan permainan-permainan tradisional yang menggunakan barangan kitar semula;
- iii. Aktiviti-aktiviti gotong royong yang memberi peluang untuk komuniti bersama-sama bergotong royong serta menanam pokok

di kawasan setempat dan melepaskan anak-anak ikan di kolam *Upcycle Park*. Aktiviti pelepasan ikan dan penanaman pokok merupakan aktiviti sampingan bagi program ini bertujuan untuk mengaktifkan lagi *Upcycle Park*. Sebanyak 80 ekor ikan kap yang ditaja oleh Media Prima Berhad akan dilepaskan ke dalam kolam *Upcycle Park*. Manakala 10 batang pokok mambu akan ditanam di sekitar *Upcycle Park*.

Program ini dianjurkan dan dilaksanakan untuk menyemai rasa tanggungjawab serta meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat untuk melindungi bumi dan alam sekitar. Ianya juga mengajak orang awam untuk bersama-sama memainkan peranan masing-masing dalam mengamalkan gaya hidup hijau sebagai usaha dan sumbangan kepada generasi akan datang.

Yang Berbahagia Datuk-Datuk, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Untuk makluman, *Upcycle Park* ini merupakan taman riadah yang berkeluasan 9,684.5 meter persegi (tasik berkeluasan 4,456 meter persegi, manakala kawasan hijaunya adalah 5,228.5 meter persegi). Taman ini

mempunyai keunikan tersendiri dengan menyediakan ruang yang dilengkapi dengan barangan dan perkakasan *upcycle* yang diperbuat daripada bahan-bahan terbuang dan terpakai seperti tayar kereta, tayar motosikal, kayu palet, botol plastik, basikal, kain terpakai dan lain-lain lagi. Komponen-komponen disediakan di sini adalah laluan pejalan kaki sepanjang 400 meter yang telah dicat, jeti, dataran di pintu masuk, perkakasan seperti kerusi, meja, tong sampah, perabot taman dari bahan-bahan terbuang dan terpakai.

Taman ini yang dirasmikan pada 10 Mac 2018 lalu oleh mantan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng merupakan taman *upcycle* yang pertama dibangunkan di Malaysia dan diiktiraf dalam *The Malaysia Book of Records* (MBR) sebagai “*The First Organisation To Develop Upcycle Park*”. *Upcycle Park* bertujuan memberi pendidikan dan menggalakkan masyarakat untuk menjalankan aktiviti kitar semula dan *upcycle*. Taman tersebut yang memberi manfaat kepada lebih 20,500 penduduk di kawasan sekitar serta kawasan perniagaan, pejabat-pejabat dan hospital.

Projek ini dibuat pada kos yang paling minimum iaitu hanya kos mengecat di atas laluan trek *jogging*. Kelihatan perabot-perabot taman yang diperbuat daripada bahan kitar semula antaranya arca dan bangku taman daripada batang pokok kayu yang ditebang, kayu *palette* dan tayar terpakai, manakala plaza berlantai “*Interlocking Brick*” diperbuat daripada sisa binaan

yang diproses semula. Ianya disumbangkan oleh pengusaha sebagai *Corporate Social Responsibility* (CSR). *Orange warriors* MBSP adalah kakitangan yang terbabit secara langsung dalam pembuatan barangan *upcycle* yang dipamerkan di taman ini.

Sempena pemsyukuran Majlis Bandaraya Seberang Perai, MBSP telah merangka dan melaksanakan beberapa pembangunan di Upcycle Park ini, antaranya:-

1. Dataran Perkahwinan

Ini melibatkan Kerja-kerja Landskap Kejur (Dataran Serbaguna) Upcycle Park dengan kos sebanyak RM 49,560.00. Program ini dimulakan pada 17 April 2019 dan disiapkan pada 21 Mei 2019. Antara kemudahan yang disediakan di dataran ini adalah Pintu-Pintu Gerbang (*Love*), penanaman pokok *shrub* dan kerja-kerja mengecat tembok.

2. Projek Pencahayaan *Upcycle Park*

Projek ini telah dimulakan pada 16 Mei 2019 dan disiapkan pada 6 Ogos 2019. Kos projek berjumlah RM189,917.40 melibatkan:-

- i. Pemasangan lampu jenis “*Twinkle warm white Flasher light LED*” yang dipasang pada 21 batang pokok di jalan besar dan 15 batang pokok yang terdapat dalam kawasan Upcycle Park.
- ii. Lampu jenis gantung jenis “*Icicle twinkle Flasher light LED*” yang dipasang berhadapan pintu gerbang Upcycle Park.
- iii. Lampu jenis *LED flex neon light* yang di pasang pada keliling rangka bagi pintu gerbang Upcycle Park dan hiasan bunga yang digantung di pokok.

Dengan adanya pencahayaan di taman ini, maka kawasan yang pada satu masa gelap dan sunyi akan menjadi ceria dan meriah dengan pelbagai aktiviti riadah masyarakat setempat.

3. Tapak “*Food Truck*”

Tapak ini telah mula beroperasi pada 30 Ogos 2019 dengan masa operasi dari 7.00 hingga 12.00 tengah malam. Sebanyak 15 buah *food truck* beroperasi setiap malam. Ianya menjadi *catalyst* kepada *Local Economic Development* (LED).

4. Membuat Transformasi Parit Monsun

Transformasi parit monsun bersebelah MBSP adalah berkonsepkan *low hanging community project* yang bertujuan memupuk dan mempromosikan persekitaran hidup yang sihat dalam memelihara dan menghargai flora dan fauna. Program ini dipacu oleh pihak Pengurusan dan Profesional MBSP dan merupakan sumbangan kepada masyarakat setempat sebagai satu lokasi riadah santai dan terapi minda. Pihak Pengurusan dan Profesional MBSP juga menaja 300 ikan koi yang dilepaskan ke dalam parit pada 17 September 2019.

MPSP menyediakan taman awam ini berserta kemudahan untuk meningkatkan kualiti hidup 20,500 penduduk di sekitar Bandar Perda tanpa mengira status. Saya berharap dengan wujudnya kemudahan-kemudahan awam dan taman-taman riadah seperti ini dapat memberi impak terhadap peningkatan kualiti persekitaran kawasan ini dan memenuhi ekspektasi penduduk setempat demi mencapai kualiti hidup yang lebih baik. Dan merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan visi MBSP iaitu Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu oleh Teknologi.

Harapan saya agar penduduk setempat dapat sama-sama menjaga taman-taman ini dan semua kemudahan yang disediakan di sini. Hargai

kemudahan yang disediakan semoga ianya dapat memberi manfaat kepada seluruh penduduk. Jadikanlah kemudahan-kemudahan ini sebagai reruang rekreasi awam untuk meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan hidup dan juga sebagai platform integrasi sosial dalam masyarakat.

Yang Berbahagia Datuk-Datuk, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Saya berharap dengan wujudnya kemudahan awam dan *Upcycle Park* ini dapat memberi impak terhadap peningkatan kualiti persekitaran kawasan ini menjadi *catalyst* kepada *Local Economic Development* (LED) dan memenuhi ekspektasi penduduk setempat demi mencapai kualiti hidup yang lebih baik.

Harapan saya agar penduduk setempat dapat sama-sama menjaga taman ini dan semua kemudahan yang disediakan di sini. Hargai kemudahan yang disediakan semoga ianya dapat memberi manfaat kepada seluruh penduduk. Jadikanlah kemudahan-kemudahan ini sebagai reruang rekreasi awam untuk meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan hidup dan juga sebagai platform integrasi sosial dalam masyarakat.

Sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih dan memberi penghargaan kepada Media Prima Berhad dan Western Digital atas kesungguhan mereka dalam menjayakan program ini. Kerjasama dan komitmen semua pihak adalah amat diperlukan dalam merealisasikan hasrat MBSP. Sehubungan itu, saya ingin menjemput dan menyeru kepada badan-badan korporat, yang berminat untuk menjalinkan kerjasama dengan MBSP dalam pembangunan usaha seperti yang dilaksanakan hari ini.

Di kesempatan ini juga, saya ingin memaklumkan bahawa MBSP bersama-sama rakan-rakan CSR akan menanam sebanyak 5,555 batang pokok pelbagai spesies di lebih 40 lokasi di seluruh Seberang Perai pada 6 Oktober 2019 sempena Pemasyhuran Majlis Bandaraya Seberang Perai. Penanaman pokok-pokok ini bertujuan untuk mewujudkan tujuh (7) *tree banks* yang berkonsepkan *forest park* untuk dijadikan tempat riadah dan rekreasi. Ini menepati Inisiatif Strategik Penang 2030, Tema D: *Invest in the built environment to improve resilience*.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada petang ini, ingin saya nyatakan di sini bahawa Seberang Perai telah mencapai satu kemuncak dalam penitian evolusi bandar. Seberang Perai telah mencapai taraf bandaraya dari usaha gigih warga kerja MBSP, pimpinan yang berwawasan dan rakyat yang bermuafakat. Saya mengharapkan agar anugerah ini dapat

dipertahankan bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat bagi mencapai **“Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan”** atau **“Seberang Perai Aspiring City Of Tomorrow”**.

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.